



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE**
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88853001
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

JPA.SARAAN(S)223/9/1 (5)

26 April 2019

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PENJELASAN MENGENAI PENANGGUNGAN KOS KEMUDAHAN
PERUBATAN BAGI PEGAWAI DAN PESARA YANG BERKHIDMAT
DI BAWAH PERKHIDMATAN AWAM NEGERI, BADAN BERKANUN
DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, Kementerian Kesihatan telah menerima banyak aduan daripada agensi Badan Berkanun mengenai caj kos rawatan pegawai yang menerima rawatan di hospital¹ Kerajaan yang dikenakan oleh pihak hospital Kerajaan terhadap Badan Berkanun berkaitan. Perkara ini juga telah dibangkitkan oleh Pihak Pekerja dalam Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Am Dalam Kumpulan Pelaksana (MBK Am) bertarikh 30 November 2018.

¹ Bagi maksud Surat Edaran ini, hospital Kerajaan ditakrifkan sebagaimana dijelaskan di perenggan 1(iii) Perintah Am Bab F Tahun 1974 bagi takrif "Hospital" yang bermaksud sebarang hospital Kerajaan termasuk hospital universiti, klinik-klinik Kerajaan dan lain-lain yayasan perubatan Persekutuan

3. Sebagaimana dimaklumi YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, kemudahan perubatan percuma di hospital Kerajaan adalah layak diberikan kepada **pegawai dan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan serta ahli keluarga yang berkelayakan** seperti mana yang telah diperuntukkan oleh Perintah Am Bab F Tahun 1974 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 (PP 21/2009). PP 21/2009 ini juga adalah dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan pakai oleh pihak berkuasa masing-masing dan selaras dengan penerimaan pakai oleh pihak berkuasa tersebut maka kos yang terlibat juga adalah ditanggung sendiri oleh agensi terlibat.

4. Penanggungan kos perbelanjaan kemudahan perubatan oleh agensi Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan bukanlah merupakan dasar baharu tetapi merupakan dasar sedia ada yang telah lama wujud. Oleh yang demikian, selari dengan peraturan yang berkuat kuasa, mana-mana Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah bersetuju untuk menerima pakai dasar kemudahan perubatan seperti yang dilaksanakan untuk pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, adalah tertakluk kepada tatacara kewangan termasuklah bayaran bagi kemudahan tersebut di mana kosnya hendaklah ditanggung oleh agensi masing-masing yang mana:

- (i) Kementerian Kewangan bersetuju agar kos kemudahan perubatan kepada pegawai/pesara yang berkhidmat di bawah Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensi lain adalah ditanggung oleh agensi masing-masing selagi tidak bercanggah dengan Perintah Am serta peraturan/pekeliling yang berkuat kuasa semasa;
- (ii) Ketua Setiausaha Perbendaharaan akan memberi pengecualian bagi kes-kes pengecualian mana-mana kelas atau kumpulan orang-orang dari membayar semua


atau mana-mana bahagian daripada caj-caj yang dikenakan di bawah Perintah Fi (Perubatan) 1982 Seksyen 16 (13) yang melibatkan Warganegara Malaysia. Bagi urusan untuk warga asing, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di bawah Seksyen 15, Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 telah diberi kuasa bagi peremitan caj rawatan di hospital Kerajaan; dan

- (iii) Kementerian Kewangan akan mempertimbangkan peruntukan perubatan bagi Badan Berkanun Persekutuan (BBP) yang masih menerima geran mengurus tertakluk kepada kedudukan kewangan BBP berkenaan semasa sesi libat urus belanjawan mulai tahun 2020.
5. Diharapkan agar penjelasan berkaitan kos tanggungan kemudahan perubatan ini dapat memperkemaskan lagi pengurusan kos rawatan perubatan ke arah perkhidmatan yang lebih cekap.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK SERI BORHAN BIN DOLAH)

s.k.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

Ketua Audit Negara Malaysia
Jabatan Audit Negara
No. 15, Aras 4, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 PUTRAJAYA

Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 1-8, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 PUTRAJAYA